

20 JUL 1998

Mahathir-Parlimen (Dasar)

TIDAK WUJUD PERSELISIHAN DASAR DALAM LANGKAH MEMULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa tidak wujud perselisihan dasar antara usaha kerajaan mengurangkan perbelanjaannya dengan mewujudkan dana-dana untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Dana-dana yang telah diwujudkan bertujuan membantu syarikat-syarikat yang terjejas akibat kegawatan ekonomi supaya ia dapat memperolehi keuntungan yang seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara menerusi pembayaran cukai, katanya.

"Kalau mereka (swasta) tidak dapat berjalan dengan baik dan tidak mendapat keuntungan maka kerajaan tidak akan dapat memperolehi cukai yang cukup," katanya ketika menjawab soalan tambahan Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) semasa sesi soal-jawab pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

"Sebab itu, sementara kita mengurangkan perbelanjaan kerajaan, kita hendak supaya sektor swasta aktif dan meneruskan perniagaan supaya mereka dapat keuntungan," kata Dr Mahathir.

Ketika menjawab soalan tambahan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (BN-Sri Aman) yang menanyakan mengenai kadar faedah dan penjadualan semula hutang oleh bank, Perdana Menteri berkata kerajaan berusaha mencari jalan bagi memastikan kadar faedah dikekalkan pada paras yang ada.

Cara lain ialah dengan membantu syarikat mendapatkan pinjaman yang lebih murah mungkin tidak melalui saluran bank supaya kos perniagaan dapat dikurangkan, kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya, walaupun kerajaan berusaha menurunkan kadar faedah tetapi terdapat beberapa negara yang sengaja menaikkan kadar tersebut sehingga mendorong rakyat Malaysia membawa keluar wang ke negara tersebut.

"Kadang-kala kenaikan kadar faedah itu sampai 40 peratus sehingga ramai rakyat Malaysia terbawa-bawa untuk membawa keluar wang ke negara asing untuk mendapatkan faedah besar," kata Dr Mahathir.

Tindakan itu juga menyebabkan wang di dalam bank tempatan berkurangan dan ini tidak akan menarik orang ramai untuk menyimpan di bank-bank tempatan, katanya.

Dr Mahathir berkata usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara juga tidak akan berjaya selagi kuasa berada di tangan pedagang mata wang yang berusaha untuk meruntuhkan ekonomi negara membangun.

"Kita lihat mereka ini tidak ada kerja lain...pergi dari sebuah negara ke negara lain untuk meruntuhkan ekonomi demi mendapatkan keuntungan besar kepada mereka," katanya lagi.

"Mereka ini hanya boleh didisiplinkan oleh kerajaan mereka," kata Dr Mahathir.

Ketika menjawab soalan tambahan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) yang membangkitkan isu nepotisme dan apa yang disifatkannya sindrom penafian dalam kerajaan, Perdana Menteri berkata pihak pembangkang hanya mengulangi apa yang dilaporkan oleh media asing.

"Apa saja yang disebut dalam akhbar asing maka diapun menyuarakannya," kata beliau.

Kepada soalan tambahan Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena), Dr Mahathir berkata: "Pembangkang hanya ejen orang asing dalam negara kita dan mereka mengharap untuk mendapatkan sesuatu walaupun tindakan orang asing itu merosakkan negara kita.

"Mereka seolah-olah seronok melihat negara kita menghadapi masalah

kerana ini adalah peluang untuk mendapat beberapa undi bagi diri mereka."

Ketika menjawab soalan asal Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Perdana Menteri berkata antara langkah yang diambil kerajaan dalam menangani masalah ekonomi negara ialah dengan mengurangkan penggunaan mata wang asing dalam perdagangan antarabangsa dan meningkatkan eksport.

Strategi meningkatkan eksport berjaya menghapuskan defisit dalam imbalan bayaran sehingga mencapai lebih sebanyak RM16 bilion dalam empat bulan pertama tahun ini, kata Dr Mahathir.

Kerajaan juga sedang mengadakan perdagangan dalam bentuk pertukaran barang dan aturan pembayaran dua hala (BPA), katanya.

Penubuhan Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad (Danaharta) adalah untuk memulih sistem perbankan daripada tekanan hutang tidak berbayar, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HAK NMO